



**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
KUALA KETIL, KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai tender kerja seperti berikut:

KERJA -KERJA PEMBANGUNAN PADANG SERBAGUNA KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR DALAM KAMPUS UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH, KUALA KETIL, KEDAH.

NO. RUJUKAN SEBUT HARGA	KOD BIDANG (CIDB/SPKK/PKK)	TARIKH TUTUP & MASA	HARGA DOKUMEN
UniSHAMS/T2023/001	CIDB GRED -G3 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	08 OKTOBER 2023 (AHAD) 12.00 tengah hari	RM 50.00

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri Taklimat Dan Lawatan Tapak pada **04 Oktober 2023 (Rabu pukul 3.00 petang)** di Pusat Sukan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah 09300 Kuala ketil, Kedah Darul Aman.

TEMPAT SERAHAN DOKUMEN TAWARAN

Pejabat Bendahari, Aras 2, Bangunan Canselori, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman
No. Tel : 04-415 5043

- 1) Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender di atas hendaklah datang bersendirinya (**wakil tidak dibenarkan**) dengan membawa Cop Syarikat, Dokumen Asal dan menyerahkan sesalinan dokumen yang telah disahkan iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat kontraktor (PKK) semasa membeli dokumen tender.

- 2) Dokumen tender boleh dibeli sepanjang tempoh tawaran dibuka dan seperti ketetapan hari berikut:

TEMPOH TAWARAN

05 Oktober 2023 - 08 Oktober 2023

- 3) Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat di kaunter (kad debit/kad kredit sahaja) Pejabat Bendahari Aras 2, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) atau pindahan secara atas talian (online) seperti butiran di bawah:

**Nama : UNISHAMS SDN BHD
Bank : Bank Islam Berhad
No. Akaun : 020110 1003 6839**

- 4) Tarikh tutup tender adalah pada 08 Oktober 2023 (Ahad) jam 12.00 tengah hari. Dokumen tawaran tender yang lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis nama tawaran, jenis tawaran dan nombor tender dihantar kepada nama Naib Canselor, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.
- 5) Dokumen tawaran tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender yang telah disediakan. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- 6) Pihak UniSHAMS tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah daripada kontraktor-kontraktor.

**BENDAHARI
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

**TARIKH IKLAN :
03 OKTOBER 2023**